

KONSEP RAKYAT DAN PERANANNYA DALAM NEGARA

Citizen Concept and Its Role in the Country

BAZRUL BAHAMAN
bazrul@fbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini berkisar perihal rakyat dan peranannya dalam pembentukan sesebuah negara. Pengkaji menjelaskan maksud rakyat dan golongan-golongan yang wujud dalam masyarakat itu yang terdiri daripada rakyat, ulamak, pedagang, dan hamba. Hubungan antara rakyat dan raja turut diterangkan dalam kajian ini. Rakyat memainkan peranan yang sangat penting untuk memajukan negara dengan menyumbang tenaga kerja, kesetiaan kepada raja dan mempertahankan negara dari ancaman musuh luar. Orang-orang asing seperti orang Eropah dan orang Cina menjadi salah satu elemen dalam kajian konsep rakyat ini. Mereka dibahagi kepada dua; 1) orang yang mendapat pengiktirafan negara dan, 2) orang yang tidak mendapat pengiktirafan negara. Pengkaji juga membincangkan perubahan kelas dalam organisasi sosial masyarakat.

Kata kunci: rakyat, hamba, kesetiaan, peranan, orang asing

ABSTRACT

This study is about community and their role in the formation of a nation. The researcher explained the meaning of community and groups that exist in the society consisting the people, ulama', merchants, and slaves. The relationship between the people and the king also was described in this study. The people play very important role for developing countries by contributing manpower, loyalty to the king and to defend the country against the external enemies. The foreigners such as Europeans and Chinese became one of the elements in the study of concept of people. They were split into two; 1) foreigners who gained national recognition and, 2) the foreigners who do not get national recognition. The researchers also discussed the class changes in the social organization of society.

Keywords: people, slaves, loyalty, role, foreigners

PENGENALAN

Perkataan “rakyat” bermakna penduduk, yang dalam teks historiografi sering disebut dengan istilah “hamba rakyat”, “rakyat” atau “hamba raja”, Lihat kutipan berikut:

Setelah hari malam, maka segala orang besar-besar dan hulubalang rakyat sekaliannya pun bermohon.

(A. Samad Ahmad 2000: 103)

Siam menyuruhkan hulu balangnya Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai.

(A. Samad Ahmad 2000: 102)

Pada peringkat awal rakyat negara yang baru dibina terdiri daripada tiga kumpulan. Pertama, rakyat dan negara asal yang dibawa bersama oleh pengasas negara ketika mulai membuka kawasan tersebut. Mereka juga yang membuka kawasan tersebut untuk dibuat negeri. Kedua rakyat yang sudah ada di tempat itu sebelum tempat tersebut dijadikan negeri. Mereka ikut sama berperanan membuka negeri. Ketiga; rakyat

yang didatangkan dari negeri lain untuk meramaikan negeri yang baru dibina. Misalnya di awal pembukaan Singapura, Seri Teri Buana telah meminta rakyat dari negeri Bintan untuk meramaikan negeri Singapura.

Apabila negeri sudah mulai baik, maka datanglah para pedagang untuk berniaga. Ada sebahagian mereka yang terus menetap dan menjadi penduduk negeri. Ada juga golongan ulama yang menyebarkan agama. Mereka biasanya menetap dan berkahwin dengan penduduk setempat. Rakyat juga terdiri daripada mereka yang dihadiahkan oleh pedagang, pembesar atau raja negeri lain kepada pembesar atau raja negeri tersebut. Mereka akan berkedudukan sebagai hamba abdi.

Menurut Diponolo (1975: 46-48) bangsa ditentukan oleh beberapa perkara. Pertama berdasarkan tempat tinggal, kedua berdasarkan dinasti. Iaitu mereka yang keturunan satu pemerintahan raja merupakan satu bangsa. Ketiga persamaan budaya, iaitu, mereka yang sama kebudayaan dan bahasa dianggap sebagai satu bangsa.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan, konsep rakyat bagi negeri Melayu dalam teks historiografi sangat longgar. Ia tidak tertakluk hanya kepada satu keturunan sahaja, juga tidak terikat dengan satu tempat tinggal, tetapi juga tidak terikat kepada satu kebudayaan sahaja.

GOLONGAN RAKYAT

Rakyat dalam Negara tradisional dapat dibahagi beberapa golongan, iaitu rakyat biasa, golongan ulama, golongan pedagang dan golongan hamba.

Rakyat Biasa

Rakyat biasa dalam kajian ini bermaksud golongan merdeka yang tidak mempunyai keistimewaan tertentu seperti ilmu agama yang tinggi (ulama), kekayaan, atau keturunan. Mereka ini biasa terdiri daripada golongan petani, nelayan dan peniaga kecil yang merupakan golongan paling ramai di dalam negara. Dalam *Sulalatus Salatin* di ceritakan ketika pertama mendarat di bumi cucu Raja Suran telah sampai di Bukit Seguntang. Di situ tinggal dua orang peladang yang bernama Wan Empuk dan Wan Malini. Ladang padi mereka telah bertukar buahnya menjadi emas, daunnya perak dan batangnya suasa. Ketika mula-mula sampai di Tanjungpura pula rakyat Tanjungpura telah meminta supaya Sang Sapurba membunuh ular Saktimuna yang telah memusnahkan huma mereka. Dalam kisah Badang juga diceritakan tentang seorang petani yang menjadi tuan pemilik Badang ketika Badang belum mendapat kekuatan yang luarbiasa.

Selain sebagai petani mereka juga sebagai nelayan. Semasa jawatan sultan diambil alih oleh Raja Ibrahim, Raja Kasim tinggal bersama sekumpulan nelayan sehingga datangnya seorang saudagar membantu beliau naik takhta. Dalam *Hikayat Banjar* pula, Pangeran Mangkubumi semasa disingkirkan dari takhta kerajaan telah menyamar sebagai nelayan. Ini semua menunjukkan bahawa sebagai nelayan adalah pekerjaan utama masyarakat tradisional dalam historiografi. Keberadaan golongan petani dan nelayan ini cukup disedari oleh pemerintah pihak kerajaan. Dalam Hukum Kanun Melaka terdapat banyak bahagian yang mengatur tentang pertanian dan nelayan. Misalnya tentang hukum membunuh kerbau orang dan hukum kerbau masuk kebun antara lain yang dapat dilihat pada kutipan berikut:

Adapun jikalau seorang membunuh kerbau yang makan padi maka bertemu di padang atau di hutan maka di bunuhnya itu pun kena setengah harga dan lagi didenda sepuluh emas oleh hakim kerana angkara kepada hidupan orang itu.

(Abu Hassan Sham 1995: 78)

Fasal yang ke-22 pula menyatakan tentang ladang terbakar oleh orang lain itu:

... jikalau hangus tiada apa lagi salahnya. Adapun maka jikalau tiada hangus maka disuruhnya orang itu memerunnya itu ... sekadar dibahagi juga perunnya.

(Abu Hasan Sham 1995: 79)

Begitu juga dengan golongan nelayan. Dalam Hukum Kanun Melaka ada disebutkan:

Adapun hukum pengail jikalau ia tiada lagi berperahu maka berdapat sama pengail itu, maka kena tebus padanya seorang sepaha juga. Jikalau ada ia berperahu tetapi layar dan pengayuh tiada lagi padanya itu, ditebus oleh tuannya dua emas pada seorang. Demikian hukum mengail itu.

(Abu Hassan Sham 1995: 82)

Ini menunjukkan bahawa petani dan nelayan adalah golongan rakyat jelata yang cukup mendapat perhatian pemerintah.

Golongan Ulama

Golongan ini berdarah Arab atau India. Bahkan sebahagian besar dan mereka datang dari Arab atau India. Ilmu agama mereka mendalam sebab itu raja dan pembesar belajar agama dan golongan ini. Mereka juga tempat bertanya oleh rakyat dan pemerintah jika ada masalah agama. Ini menjadikan mereka mempunyai kedudukan yang cukup tinggi dalam masyarakat. Bahkan sebahagian daripada mereka berkedudukan setaraf dengan pembesar negeri. Ilmu agama yang mereka miliki juga menyebabkan sebahagian mereka mempunyai hubungan rapat dengan istana. Misalnya Maulana Abu Bakar mempunyai hubungan yang baik dengan Sultan Mahmud Syah.

Teks-teks historiografi juga menceritakan golongan ini sebagai orang keramat Misalnya Tun Jana Khatib di Singapura sebaik sahaja di bunuh tubuhnya hilang ghaib. Di Palembang Syaid Gombak dan muridnya Abdul Mu'min di hukum bunuh kerana berjual beli tembaga kepada orang luar. Mayatnya kemudian berdiri seolah-olah berjalan beriring berdua. Dikhabarkan orang kepada Raja Petani kemudian mayat itu lalu diambil. Ketika hendak dikebumikan mayatnya itu menjadi panjang. Tuan Saidi Arab pula dengan kekeramatannya telah memamah Cau Pandan anak Raja Siam dari Melaka. Cau Pandan mati dan ia menerima anugerah daripada raja. Seorang ulama dari Pasai telah berjaya menyembuhkan penyakit Raja Petani yang sebelum ini tidak berjaya diubati oleh tabib lain.

Sultan Muzafar Syah pula bertanya kepada ulama dari Pasai tentang negeri Islam, jawab ulamak Syekh Safiudin,

Adapun negeri Islam itu maulah ada sebuah mesjid tempat segala rakyat menyembah Allah Ta'ala, maka nyatalah agama Islam; dan jikalau tiada mesjid itu jua tiadalah kenyataan agama Islam itu.

(Wyatt 1966:120)

Walaupun golongan ini istimewa dan mempunyai kedudukan yang cukup baik dalam masyarakat, tetapi mereka juga tidak akan terlepas daripada segala peraturan negara. Di Patani seorang ulama yang bernama Syekh Gombak telah dijatuhkan hukuman bunuh kerana melanggar perturan negara yang tidak membenarkan siapa pun membawa tembaga ke luar daripada Patani. Syekh Gombak bersama anak muridnya Abdul Mukmin kemudiannya dibunuh.

Ulama kadang-kadang asing juga dipandang dengan opurtunis. Misalnya, Makhdum Sadar Jahan dituduh datang ke Melaka bukan untuk menyebarkan agama, tetapi untuk mencari kekayaan (Syarifah Maznah 1995: 95).

Golongan Pedagang

Golongan ini juga kumpulan elit dalam masyarakat kerana kekayaannya, bahkan ada di antaranya yang lebih kaya daripada bendahara. Misalnya Raja Muddiar dikatakan mempunyai kekayaan yang sama dengan Bendahara. Emas yang dimiliki oleh Raja Mendaliar tidak kurang daripada lima bahara banyaknya. Kekayaan yang dimilikinya menyebabkan ia sangat dihormati dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Bahkan sebahagian dari golongan ini, seperti Raja Mendaliar, mempunyai kedudukan yang setaraf dengan pembesar. Kekayaan yang mereka miliki juga menyebabkan mereka dapat berdamping dengan golongan istana. Hubungan rapat mereka dengan istana memudahkan urusan perdagangan. Para pembesar pula selalu rapat dengan mereka untuk mendapatkan hadiah. Bahkan pembesar dan raja adakalanya meminta bantuan golongan pedagang ini untuk mencapai maksud mereka. Hang Nadim

meminta bantuan dari seorang saudagar yang bernama Nakhoda Sayid Ahmad untuk melarikan Tun Teja dari Pahang. Dengan bantuan Nakhoda Syaid Ahmad Tun Teja dapat dilarikan, dan Sultan Melaka telah memberi anugerah kepada beliau.

Bahkan Sultan Muzafar Syah tidak akan dapat melakukan rampasan kuasa tanpa pertolongan seorang saudagar yang bernama Maulana Jalaludin. Dengan pertolongan Maulana Jalaludin, Raja Kasim berjaya menggulingkan Raja Ibrahim yang memerintah ketika itu.

Kekayaannya juga menyebabkan golongan ini dekat dengan rakyat dan pembesar. Misalnya seorang saudagar yang bernama Ali Manu telah menghadiahkan pakaian dan harta kepada semua orang yang datang ke rumahnya. Ini menyebabkan ramai rakyat dan para pembesar datang ke rumahnya.

Dengan kekayaannya golongan ini juga boleh mempengaruhi pembesar untuk mudah percaya kata-kata mereka. Misalnya Laksamana dengan mudah percaya akan kata-kata Raja Mudaliar setelah diberikan sebahara emas. Laksamana terus menyampaikan kata-kata Raja Mendaliar kepada Sultan Melaka yang kononnya Bendahara hendak merampas kuasa. Akhirnya terjadilah tragedi besar yang membawa kepada pembunuhan ke atas Bendahara Seri Maharaja sekeluarga.

Bahkan golongan saudagar ada juga yang membuka negeri. Misalnya Ampu- Djatmaka telah membuka negeri Negara-Dipa. "Saudagar" juga yang membuka Negeri Petani. Namun demikian setelah membuka negeri mereka tidak melantik diri mereka menjadi raja, kerana mereka bukan keturunan raja. Oleh yang demikian, mereka mencari seorang keturunan raja atau mencari raja yang diturunkan dan langit untuk menjadi raja. Mereka hanya menjadi bendahara, mangkubumi atau perdana menteri.

Golongan pedagang juga menjadi sumber maklumat utama bagi raja untuk mengetahui perkembangan negara luar. Berita dan maklumat yang dibawa oleh para pedagang ini akan mempengaruhi tindakan politik raja. Misalnya apabila seorang saudagar yang membawa berita kekalahan Belanda di Betawi, Sultan Palembang terus mengambil tindakan menggempur pertahanan Belanda muara Palembang. Seterusnya mengusir Belanda dari Palembang.

Hamba

Hamba adalah golongan yang mempunyai kedudukan paling rendah dalam masyarakat. Golongan ini dapat dibahagikan kepada dua. Pertama hamba rakyat dan kedua hamba raja.

a. Hamba Raja

Hamba raja diperoleh melalui:

1. Sebagai hadiah daripada saudagar atau pembesar.
2. Hadiah raja negara lain, misalnya ketika utusan Melaka berkunjung ke Cina, Maharaja Cina telah menghadiahkan lima ratus orang perempuan yang muda dan cantik kepada Sultan Melaka. Ketika rombongan Sultan Mansur Syah berkunjung ke Majapahit mereka diberi hadiah dengan empat puluh orang hamba laki-laki dan empat puluh orang hamba perempuan.
3. Ganti rugi atau bayaran antara negara; Hamba juga diperoleh sebagai bayaran atau ganti rugi antara negara. Misalnya Sultan Palembang telah membuat perjanjian dengan Kompeni Belanda untuk membayar 40 laksa ringgit, 40 hamba laki-laki dan 40 hamba perempuan sebagai balasan atas pertolongan Kompeni Belanda menggulingkan kakandanya Sultan Anum yang memerintah sebelum itu.

Rakyat yang menyerahkan diri; kadang-kadang hamba raja juga diperoleh melalui penyerahan diri oleh rakyat. Dalam *Misa Melayu* dikisahkan tentang seorang janda bernama Sarah yang diserahkan oleh penghulunya kepada raja. Tidak jelas sejauh manakah wewenang seorang Penghulu menyerahkan rakyatnya sebagai hamba raja, kerana sepanjang pembacaan ke atas historiografi hanya satu peristiwa sebegini berlaku. Hamba raja akan tinggal di istana dan melakukan kerja-kerja istana dan kerja-kerja raja yang di luar istana. Mereka mempunyai kedudukan yang lebih baik daripada hamba abdi. Bahkan di antara mereka ada yang hidup bebas dan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada rakyat biasa. Selain itu, ada pula yang dapat naik status sosialnya sehingga ke tahap pembesar. Misalnya Hang Tuah, asalnya beliau adalah hamba raja Melaka yang diperoleh Raja Melaka sebagai hadiah daripada

Raja Goa ketika utusan Melaka melawat Sulawesi. Hang Tuah kemudian telah naik hingga menjadi pembesar penting di Melaka.

Jika hamba itu perempuan ia akan menjadi gundik raja atau melakukan kerja-kerja istana. Bahkan terdapat anak pembesar yang menjadi gundik raja. Misalnya anak Sang Rajuna Tapa di Singapura. Mereka juga menjadi teman dan pengasuh kepada anak-anak raja. Sebagai gundik raja ada di antara mereka yang melahirkan anak raja. Anak dari gundik ini tetap berkedudukan sebagai golongan bangsawan tetapi mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada anak gahara. Walaupun kedudukan mereka lebih rendah daripada anak gahara, tetapi mereka tetap layak dilantik menjadi raja. Sultan Malikul Salleh telah berkahwin dengan anak gundik daripada Raja Perlak seterusnya melahirkan keturunan Raja-raja Pasai.

Pencapaian yang tinggi pernah hampir dapat dicapai oleh Dang Sirat (Hikayat Patani) yang telah berjaya mempengaruhi sultan supaya menabal dirinya menjadi permaisuri. Akan tetapi maksud tersebut gagal apabila ia dibunuh melalui suatu komplotan oleh beberapa orang pembesar.

b. Hamba Abdi

Hamba abdi atau abdi rakyat adalah golongan yang mempunyai kedudukan yang paling rendah dalam masyarakat. Ia dianggap sebagai harta tuannya yang boleh dijual. Banyaknya hamba menjadi simbol kekayaan, semakin banyak hamba seseorang itu, maka semakin kayalah ia. Misalnya Bendahara Tun Mutahir dikatakan sangat kaya, sehingga ia tidak dapat mengenali hamba-hambanya.

Anak keturunan hamba akan tetap berkedudukan sebagai hamba. Hamba hanya akan dapat bebas jika dibebaskan oleh tuannya. Badang pada awalnya adalah hamba. Setelah mendapat ilmu kuat ia dibebaskan oleh tuannya. Seri Udani ketika datang menyahut panggilan Sultan Mahmud Syah datang bersama dengan dua orang hambanya. Seorang bernama Si Lamat dan seorang lagi Si Berkat.

HUBUNGAN ANTARA RAKYAT DENGAN RAJA

Walaupun tidak ada ketentuan-ketentuan yang pasti tentang syarat-syarat menjadi "rakyat", tetapi dari pelbagai peristiwa dalam historiografi dapat dikesan beberapa perkara yang boleh dilihat sebagai syarat-syarat menjadi "rakyat".

Ketaatsetiaan

Seorang "rakyat" harus memberikan taat setia sepenuhnya kepada raja. Ia harus mengutamakan kepentingan raja lebih daripada kepentingan dirinya sendiri. Kedudukan rakyat dalam negara adalah seperti hamba kepada raja. Ia harus memberikan segala hak miliknya apabila diminta oleh raja.

Hubungan antara rakyat dengan raja terikat pada waad antara Demang Lebar Daun yang mewakili pihak rakyat dan Seri Teri Buana mewakili pihak raja. Perjanjian ini adalah sebuah mitos yang sangat ditaati oleh rakyat. Melalui perjanjian ini maka rakyat tidak dibenarkan menderhaka kepada raja. Dalam *Sulalatus Salatin* banyak menceritakan tentang akibat buruk yang diterima oleh seorang rakyat yang tidak setia kepada rajanya. Sang Rajuna Tapa telah disumpah menjadi batu kerana derhaka kepada raja dengan membuka pintu kota yang membolehkan Majapahit menyerang Singapura. Megat Sri Rama telah mengalami sakit dan akhirnya mati setelah menderhaka dengan membunuh Sultan Mahmud.

Setia kepada raja mempunyai makna yang luas. Ia meliputi:

1. Taat pada semua perintah raja.
2. Taat pada peraturan yang disahkan oleh raja.
3. Taat pada pembesar yang dilantik oleh raja.

Tidak Memberikan Kesetiaan Kepada Raja Negara Lain

Memberikan taat setia kepada negara lain dapat menyebabkan seseorang itu hilang taraf ke "rakyat" annya. Sebab itu Sang Guna ketika di Perlak dan Brunei tidak mahu menyembah kepada raja negara tersebut, kerana jika ia menyembah bererti mengubah kesetiannya kepada negeri Melaka yang boleh menyebabkan

kedudukannya sebagai rakyat Melaka diragukan. Oleh yang demikian, seseorang yang berada di negara lain dapat mengekalkan kedudukannya sebagai rakyat negara asalnya dengan cara ia tidak menyembah tunduk kepada raja negara tersebut.

"Rakyat" peringkat awal terdiri daripada rakyat yang dibawa oleh pengasas negeri dan rakyat setempat. Kedua-dua kumpulan ini sama-sama membuka tanah dan membangun istana, balairung seri, dan kota.

Selain itu terdapat juga "rakyat" yang berasal dan pedagang atau pendakwah yang tujuan awalnya hanya untuk berniaga atau berdakwah, tetapi kemudian menetap untuk jangka masa lama hingga menjadi "rakyat". Misalnya Maulana Abu Bakar yang awalnya seorang ulama dari Mekah datang sebagai pendakwah ke Melaka tetapi kemudian ia diterima sebagai "rakyat" Melaka dan dilantik sebagai pembesar.

Selain itu terdapat dua golongan lain yang menjadi "rakyat", pertama rakyat negeri lain yang meninggalkan negerinya lalu memohon kepada raja untuk menetap dan menjadi "rakyat". Permohonan sebagai "rakyat" biasanya dinyatakan sebagai "menyembah" atau "memperhamba diri". Misalnya Mani Purindan yang meninggalkan negerinya kerana berselisih faham dengan adik beradiknya, kemudian memilih untuk pindah ke Melaka dan menjadi rakyat Melaka. Begitu juga dengan Seri Amerta. Beliau berasal dari Pasai kemudian datang ke Melaka menjadi "rakyat" Melaka.

"Kemana baik aku pergi, melainkan ke Melakalah aku pergi, kerana raja Melaka zaman ini raja besar, patutlah aku pergi ... patutlah aku menyembah kerana baginda daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkamain."

(A. Samad Ahmad 2000: 81)

Kedua, orang yang mohon perlindungan. Misalnya Raja Palembang setelah dikalahkan oleh adiknya melarikan diri ke Jambi dan mohon perlindungan dari Raja Jambi (Bazrul Bahaman 2002: 35)

Seseorang dianggap lucut kerakyatannya apabila tidak memberikan kesetiaan kepada raja atau membelot. Mereka tidak diakui lagi oleh sultan sebagai rakyatnya, dan akan diusir dan dalam negara. Dalam *Hikayat Palembang* ada dikisahkan tentang seorang pedagang Arab bernama Pangeran Syarif Muhammad sudah tidak diakui lagi oleh Sultan Palembang sebagai rakyat Palembang. Ia kemudian pindah ke Betawi dan menjadi tali barut Belanda.

PERANAN RAKYAT DALAM NEGARA

Peranan rakyat jelata dalam sistem politik tidak besar kerana sistem politik tradisional berpusat kepada istana. Hanya golongan ulama dan pedagang yang mempunyai hubungan dengan istana sahaja yang dapat berperanan sedikit dalam politik. Namun demikian rakyat sangat penting bagi raja. Pangeran Mangkubumi dalam *Hikayat Banjar* menyebutkan "Meski menjadi raja, lamun tiada banyak rakyat itu, tiada berguna raja-raja itu". Sebab itu dalam wasiat-wasiat raja-raja Melayu selalu memperingatkan supaya menjaga kebajikan rakyat. Misalnya dapat dilihat pada wasiat Sultan Mansur Syah kepada anaknya:

Hei anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampun mu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia; kerana finnan Allah Taala Inna tllahu ma'as sabirin, yakni bahawa Allah Taala serta pada segala yang sabar ... memeriksai atas rakyatmu, supaya sentosa kerajaanmu.

(A. Samad Ahmad 2000:102)

Kemakmuran rakyat menjadi salah satu tujuan penting negara. Sebuah negara dianggap buruk sekiranya rakyatnya menderita. Raja dan pembesar amat mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat:

Adalah Sultan Anum itu sudah mupakatnya semuanya itu akan mencari yang aman sentosanya di dalam negeri Palembang, supaya kesenangan rakyat negeri dan orang kecil-kecil dapat kehidupan dengan sentosa aman di dalam negeri Palembang dengan segala jajahan di luar negeri dan pohonkan sembilan dahulu negeri segala-galanya.

(Bazrul Bahaman 2002:20)

Oleh yang demikian kemakmuran rakyat adalah satah satu ukuran kejayaan negara:

Selama lamanya negeri Palembang bertambah-tambah aman sentosa, selama berdamai dengan komponi... terlalu adil sentosa pemerintahnya peliharakan segala rakyat negeri dan sekalian dagang.

(Bazrul Bahaman 2002: 30)

Keadilan seorang raja juga diukur dan sikap adilnya terhadap rakyat. Misalnya dalam *Sulalatus Salatin* keadilan Raja Kecil Besar ditunjukkan dengan sikapnya yang adil terhadap rakyat:

Terlalulah adil saksama baginda pada memeliharakan segala rakyat, seorangpun tiada raja-raja dalam alam ini sepertinya pada zaman itu, lagi dengan murahnyanya. Maka negeri Melaka pun besarlah, lagi dengan makmurnya....

(A. Samad Ahmad 2000:25)

PERANAN RAKYAT SECARA KESELURUHAN

Pertahanan

Peranan paling penting rakyat ialah untuk pertahanan. Bila ada serangan luar rakyat akan dipanggil untuk terlibat berperang mempertahankan negara. Rakyat dipimpin oleh penghulu atau membesar yang menguasai daerah mereka. Ketika menghadapi serangan Siam ke atas Melaka rakyat Kelang datang dengan diketuai oleh Tun Perak yang pada ketika itu menjadi penghulu di Kelang. Ketika Melaka diserang oleh Portugis rakyat ikut berperang bersama raja hingga ramai yang mati. Di Negara-Dipa ketika perang antara Negara-Dipa dengan Banjarmasin juga melibatkan rakyat, sehingga ramai yang terkorban dan luka-luka. Ketika menyerang Inderapura Laksamana telah membawa rakyat Sungai Raya untuk sama-sama menyerang Inderapura kerana Sungai Raya pada waktu itu di bawah kekuasaan Laksamana. Ketika Singapura diserang todak pula, rakyat berkubur betis untuk menahan serangan ikan todak.

Tenaga Kerja

Selain untuk perang, kerahan tenaga juga dilakukan ketika membuka negeri. Ketika itu semua rakyat yang dibawa ikut sama dan rakyat yang sudah sedia ada di kawasan tempat negeri yang baru dibuka itu akan bekerja untuk membangun istana, balairung, rumah, kota dan pasar sebagai keperluan asas sebuah negara.

Kerahan tenaga rakyat juga dilakukan untuk melakukan kerja-kerja raja seperti mendirikan istana, masjid dan sebagainya. Misalnya ketika mendirikan istana Sultan Mansur Syah rakyat dan teluk rantau turut dilibatkan:

Maka Bendahara pun mengerahkan orang membuat istana besar, orang Sungal sebuah istana, orang Buru sebuah istana, orang Suir sebuah istana, orang Pancur Serapung membuat balairung, orang Sudir membuat balai penghadapan, dan orang Merba membuat penangah....

(A. Samad Ahmad 2000: 125)

Ikut Terlibat Dalam Perayaan

Perayaan-perayaan di istana akan melibatkan rakyat jelata. Misalnya ketika perayaan perkahwinan antara Raja Iskandar Syah dengan Raja Budak Rasul di Perak, rakyat jelata diikutkan sama memeriahkan perayaan tersebut. Begitu juga ketika perasmian masjid di Indera Sakti, rakyat jelata digambarkan sebagai telah memenuhi istana dan masjid tersebut. Mereka sama-sama bertahlil dan membaca yasin. Selain itu, rakyat juga ikut memberi sumbangan berupa barang-barang hasil pertanian untuk sesuatu perayaan. Dalam *Misa Melayu* digambarkan bagaimana rakyat menyumbangkan pelbagai hasil pertanian seperti kelapa, kambing dan sebagainya untuk perayaan perkahwinan Sultan Iskandar dengan Raja Budak Rasul.

Memilih Penghulu

Peranan rakyat yang paling besar adalah di peringkat daerah. Rakyat mempunyai kuasa untuk menentukan siapa yang bakal menjadi penghulu. Dalam *Sulalatus Salatin* diceritakan bagaimana rakyat Kelang telah memilih Tun Perak sebagai penghulu mereka.

Membantu Menggulingkan Raja

Pernah juga terjadi, bila kekejaman raja sudah memuncak, maka rakyat dengan dipimpin oleh pembesar akan bertindak menggulingkan rajanya. Dalam teks historiografi ada dua kali peristiwa seumpama ini berlaku. Pertama, dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* ketika rakyat bersama pembesar telah menggulingkan Raja Bersiung kerana tidak tahan lagi menderita kekejaman Raja Bersiung yang setiap hari menyembelih rakyatnya untuk dimakan. Akhirnya Raja Bersiung dapat digulingkan.

Tindakan ini terlihat agak bertentangan dengan waadat antara Demang Lebar Daun dan Seri Teri Buana yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin*. Tetapi sebenarnya ada dua perkara yang membenarkan tindakan rakyat membantu menggulingkan rajanya. Pertama penggulingan itu dipimpin oleh permaisuri yang juga dari kalangan bangsawan. Kedua, kekejaman raja sudah mencapai kemuncaknya dan sudah menunjukkan sikap tidak siuman apabila membunuh rakyat sendiri untuk dijadikan santapan. Dalam keadaan ini permaisuri dan pembesar bertindak menyingkirkan raja untuk menyelamatkan rakyat, Negara dan institusi raja yang sudah berada dalam keadaan kritikal kerana diperintah oleh raja yang tidak siuman.

Rakyat Ikut Lari Bersama Raja Jika Negara di Tawan Musuh

Jika negeri ditawan musuh rakyat akan ikut lari bersama raja dan pembesar. Mereka takut, sekiranya terus tinggal di dalam negeri yang sudah ditawan, mereka akan dijadikan hamba oleh musuh yang menawan negeri tersebut. Misalnya ketika Singapura dikalahkan Jawa, rakyat Singapura ikut lari bersama rajanya. Kalau tidak lari bersama raja, mereka akan lari ke hutan menyembunyikan diri. Misalnya di dalam *Hikayat Tambusai* diceritakan ketika negeri Kunto Darussalam ditawan Aceh rakyatnya sebahagian lari ke dalam hutan dan ada yang terus menjadi orang asli.

Selain peranan-peranan seperti di atas, dalam historiografi dapat juga dilihat beberapa peristiwa yang melibatkan rakyat jelata. Pertama ketika Hang Nadim melarikan Tun Teja, ia telah dibantu oleh seorang pelulut hingga berjaya melarikan Tun Teja. Ketiga, seorang penyadap yang menemui anak raja Inderapura yang terdampar di pantai setelah kapal kenaikannya pecah dipukul gelombang. Keempat ketika Raja Kecil mendakwa dirinya keturunan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, rakyat meminta ia membuktikan dakwaannya.

Dalam kerajaan Pasai pembesar juga akan meminta sokongan rakyat untuk menyokong pendapatnya. Ketika Sultan Malikul Mansur ingin menziarahi saudaranya Sultan Malikul Tahir menterinya Sidi Asma Yaumiddin tidak setuju kerana takut difitnah, tetapi Sultan Malikul Mansur tetap dengan keputusannya. Menteri Sidi Asma Yaumid-din cuba mendapatkan sokongan rakyat dengan memberitahu rakyat mengenai cadangan Sultan Malikul Mansur itu.

ORANG ASING

Orang asing dapat dibahagi kepada dua, iaitu orang asing yang tidak mendapat pengiktirafan negara, dan yang mendapat pengiktirafan negara.

Orang asing yang mendapat pengiktirafan negara ialah orang asing yang penghambaan kepada raja diterima. Ia diberlakukan sebagai rakyat biasa. Dari segi kedudukan kenegaraan sulit untuk meletakkan mereka sebagai orang asing, kerana mereka nampaknya mendapat perlindungan sepenuhnya dari kerajaan, mengakui ketuanan dan daulat raja yang memerintah, walaupun mereka orang asing dari India, Arab, Jawa, dan sebagainya. Contohnya Nina Sura, Patih Karmawijaya, Kitul, Raja Mendaliar dan Makhдум Sedar Jehan.

Orang Eropah

Sejak awal kemunculan orang asing dilihat sebagai jahat. Kemunculan awal orang asing bermula dengan kedatangan Portugis ke Melaka yang datang sebagai penjajah. Mereka telah menyerang Melaka sebanyak dua kali. Serangan pertama gagal menawan Melaka. Serangan kedua barulah berjaya mengalahkan Melaka dan Sultan Mahmud yang memerintah ketika itu terpaksa melarikan diri.

Sulalatus Salatin juga memperlihatkan bangsa Eropah sebagai mempunyai teknologi yang lebih tinggi daripada Melaka. Sehingga sewaktu perang, orang Melaka merasa gerun kerana melihat kehebatan senjata orang Portugis. Portugis juga melanjutkan serangannya ketika Sultan Mahmud berada di Bentan sehingga Sultan Mahmud terpaksa melarikan diri ke Kampar. Portugis juga telah menipu Sultan Abdullah dengan berjanji untuk bekerjasama melawan Sultan Mahmud, tetapi akhirnya Sultan Abdullah di tawan Portugis.

Bangsa Eropah yang kedua ialah Belanda. Kisah tentang Belanda banyak terdapat dalam *Hikayat Palembang*. Bangsa Eropah tidak pernah dianggap sebagai rakyat. Ia juga tidak pernah menunjukkan taat setia kepada raja-raja Melayu. Teks-teks historiografi juga banyak menunjukkan penentangan bangsa Eropah terhadap Raja Melayu. Bangsa Eropah ini ingin mengusir dan menggantikan kedudukan raja-raja Melayu, Misalnya Portugis di Melaka yang menghancurkan dinasti Melaka sehingga rajanya yang terakhir terpaksa melarikan diri.

Orang Cina

Kisah orang Cina diceritakan dalam *Sulalatus Salatin* tentang mereka yang datang sebagai hadiah dan dayang bersama Puteri Hang Li Po. Akan tetapi nampaknya mereka tidak mempunyai peranan selepas itu. Dari *Hikayat Seri Kelantan* dapat diketahui bahawa kaum Cina hidup dalam kumpulan mereka sendiri. Mereka dipimpin oleh seorang ketua yang bernama Kapitan. Mereka walaupun tinggal di daerah yang di bawah kekuasaan raja, tetapi taat setia dan khidmat mereka adalah kepada kapitan yang menjadi ketua mereka. Raja akan berhubungan dengan kaum Cina melalui Kapitan. Misalnya ketika Raja Long Muhamad meminta bantuan kumpulan Cina Galas. Temenggung diutus untuk berunding dengan Kapitan Cina dan Cina Galas setuju untuk membantu Raja Long Muhamad dengan perjanjian, jika menang hendaklah membenarkan Cina Galas itu merampas tiga hari berturut-turut.

Seperti yang telah disebutkan tadi, kedudukan raja yang tinggi dalam ideologi politik Melayu menyebabkan hubungan antara raja dengan rakyat sebagai "hamba" dengan "Tuan". Oleh yang demikian, peranan mereka adalah hamba kepada raja. Mereka digunakan untuk pertahanan negara, jika negara diserang musuh. Sekiranya dan tidak mahu ikut berperang dilihat sebagai suatu tindakan derhaka kepada raja dan ini suatu kesalahan besar. Apa lagi tindakan tersebut sampai berpaling tadah.

PERUBAHAN KELAS DI DALAM MASYARAKAT

Dalam masyarakat tradisional terdapat lima kelas sosial (Haron Daud 1989:156), iaitu kelas Raja, kelas pembesar, kelas pedagang, kelas rakyat biasa dan kelas hamba.

Raja
Pembesar
Ulama/pedagang
Rakyat biasa
Hamba

Rajah 2 Kedudukan Sosial Masyarakat Melayu Tradisional

Dua kumpulan tertinggi di atas, iaitu raja dan pembesar merupakan golongan pemerintah. Pembesar walaupun berkedudukan sebagai hamba dan rakyat kepada raja, tetapi mereka mempunyai otonomi yang

besar dalam pemerintahan. Mereka berhak memungut cukai dan menentukan dasar dalam mentadbir wilayah mereka sendiri.

Pedagang, ulama, rakyat biasa dan hamba abdi merupakan golongan pedagang dan ulama adalah kelas rakyat yang tertinggi. Golongan ini mempunyai hubungan rapat dengan istana. Kelas yang kedua ialah rakyat jelata. Sedangkan kelas paling rendah ialah hamba. Dalam kelas hamba pula, hamba raja mempunyai kedudukan yang lebih baik daripada hamba rakyat.

Kenaikan kelas di kalangan rakyat dapat berlaku. Seorang hamba mungkin menjadi seorang merdeka sehingga kelas mereka berubah daripada hamba kepada rakyat biasa. Ini terjadi melalui pembebasan oleh tuannya. Misalnya Badang yang berkedudukan sebagai hamba, kemudian kerana keistimewaan yang kekuatannya yang dimilikinya setelah memakan muntah hantu, tuannya telah membebaskan Badang.

Begitu juga rakyat biasa melalui pendidikan dapat menjadi ulama. atau melalui perniagaan dapat menjadi seorang pedagang. Tetapi dalam masyarakat tradisional walaupun peluang ini ada, tetapi sangat jarang berlaku, bahkan hampir mustahil. Perkahwinan antara kelas hampir mustahil berlaku. Jika berlaku ia dianggap sebagai perbuatan tercela. Apa yang lebih tepat ialah kahwin dengan kelas masing-masing "pipit sama pipit, enggang sama enggang". Jangan pipit hendak menelan jagung" (Gullick 1968:107).

RUJUKAN

- Abdullah Haji Musa Lubis. (1963). *Kesah raja-raja Pasai*. Singapura: Malaya Publishing.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1994). Mengharungi badai dan gelombang: Kesultanan Melayu sebelum merdeka". Dalam *forum UM-USM, Kuala Lumpur*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Achadiati Ikram. (1989). *Hikayat Hang Tuah: Analisis struktur*. Jogyakarta: Penerbit Universiti Gajah Mada.
- Abu Hassan Sham. (1976). Nilai-nilai masyarakat Melayu tradisional dilihat dan Hikayat Hang Tuah. Bimbingan Sastera sin ke 6. *Mestika*, Mei 1976, h. 78-83.
- Abu Hassan Sham. (1972). Undang-undang Melayu lama: Tumpuan khas kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang yang di bawah pengaruhnya. *LA Sejarah Melayu JOMUM*, Kuala Lumpur, 1972, xix+408.
- Abu Hassan Sham. (1995). *Hukum kanun Melaka*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Achdiati Ikram. (1979). Citra kepimpinan dalam sastera Melayu lama dalam teks *Cerminan Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.E, David. (1993). *Politik modenisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fauzi Mohd. Basri. (1982). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alan R. Ball. (1993). *Politik dan kerajaan moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alfian, T. Ibrahim. (1973). *Kronika Pasai, sebuah tinjauan sejarah*. Yogyakarta: Gajah Mada Press.
- Alfian, T. Ibrahim, (ed). (1973). *Hikayat raja-raja Pasai*, Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Ali Ahmad. (1983). *Kajian sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ali Ahmad. (1985). *Salsilah Melayu dan Bugis*. DS 15.9, 1985, h. 79-83; 15.10, 1985, h 73-79.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-karya sastera bercorak sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad. (2000). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auni Abdullah. (1991). *Islam dalam sejarah politik dan pemerintahan di alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nunn Enterpres.
- Badriyah Haji Salleh. (1996). *Alam persejarahan: Dari pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basham, A.L. (1967). *The wonder that was India*. London: Sidgwick & Jackson.
- Bazrul bin Bahaman. (2001). *Hikayat Palembang*. Projek penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bazrul bin Bahaman. (2002). *Hikayat Jambi*. Projek penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bagley, T.R.F. (1964). *Ghazali's book of council for kings (Nasihat al-Mulk)*. London: Oxford University Press.
- Bukhari al-Jauhari. (1992). *Taj al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyung Adil. (1973). *Sejarah Melaka*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyung Adil. (1978). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dipondo, G.S. (1975). *Ilmu negara*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Gullick, J.M. (1970). *Sistem politik bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanapi Dollah. (1983). Struktur dan hubungan masyarakat Melayu tradisional berdasarkan Sejarah Melayu: Satu perbincangan teoritis. *Sari*. 1.2, Julai, 1983, h. 125-139.
- Haron Daud. (1989). *Sejarah Melayu: Satu kajian daripada aspek persejarahan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (1985). *Hikayat Pahang: Pembicaraan dari segi isi*". DS 15.8, Ogos 1985, h. 72-77.

- Haron Daud. (1987). Karya-karya historiografi Melayu tradisional: Satu tinjauan dan segi pelaksanaan adat dan istiadat dalam masyarakat". *DS* 17.1, 1987, h. 71.2.
- Harun Mat Piah et al. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. KuaJa Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasrom Harun. (1971). *Hikayat Merong Mahawangsa sebagai hasil historiografi tradisional Melayu – nilai sejarah*. DB. 15.12,1971.1971. H. 531-541.
- Heine-Gelden, R. (1956). *Conception of state and kingship Southeast Asia, data paper*. Ithaca, New York: Southest Asia Program.
- Hill, A.H. (1969). *Hikayat Raja-raja Pasai*. Singapore: Malaysia Publishing Houses.
- Hsu Yun Tsiao. (1966). Meninjau Sejarah Melayu dan segi nilai sejarahnya (dlm *Dewan Bahasa*, X,(v).
- Ibnu Khaldun. (2000). *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Hanm (Ed). (2004). *Bustan Al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun (Ed). (2008). *Undang-undang kesultanan Melayu dalam perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Kamus Dewan* (Edisi ke 4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (1988). Jakarta: Balai Pustaka.
- Kemne. J.E & WuiStedt R.O. (1948). *A Malay legal digest compiled for 'Abd al-Ghafur Muhai' d-din, Sultan of Pahang, 1952-1614: s.n*
- Khalid Hussain. (1966). *Taj al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalid Hussain. (1967). *Hikayat Iskandar Zu 'IKarnain*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khoarudin. (1999). Pemikiran politik Melayu tradisi: Satu kajian berdasarkan cerita penglipurlara. Tesis MA APM-UM.
- Mahdini Sani. (2000). *Etika politik: Pandangan Raja Ali Haji dalam tsamarat al-Muhimmah*. Pekanbaru: Yayasan Pusaka Riau.
- Mahdmi Sani. (2002). Konsep Rrja dan kerajaan dalam perpustakaan Melayu. Disertasi Phd, Universitas Gajah Mada, Jogjakarta. Indonesia.
- Mahmud Yunus. (1998). *Tafsir Quran Karim bahasa Indonesia*. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Matheson, Virgmia. (1982). *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti.
- Matheson, Virginia 1999. *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Marsden, William. (1812). *A dictionary and grammar of the Malayan language*. London: Oxford University Press.
- Marsden, William. (1985). *The history of Sumatra*: London: Oxford University Press.
- Mattulada. (1985). *Latoa; Satu lukisan analitis terhadap antropologi politik orang Bugis*. Jogjakarta:Penerbit Universitas Gajah Mada.
- Maududi, Abul A'la. (1990). *Hukum dan konstitusi sistem politik*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Milner, A.C. (1982). *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rulle*. University of Arizona Press.
- Milner, A.C. (1989). Islam dan martabat Raja Melayu dalam Ahmad Ibrahim (ed). *Islam di Asia Tenggara perspektif Sejarah*. Jakarta: LP3ES, hal. 52-53.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Pengantar politik Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Yusoff Hashim. (1992). *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusofif Hashim. (1998). *Daulat konsepnya dalam budaya politik kerajaan Melayu awal*. Kertas kadangkala (Siri I) Kuala Lumpur. Jabatan Sejarah UM.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1970). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mutiara, Putri Minerva. (1979). *Sejarah Tambusai*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, Projek Buku Bacaan Sastra Indonesia, Daerah.
- Noer, D. (1982). *Konsepsi tentang negara dan kedaulatan raja di Asia Tenggara*. Jakarta: Rajawali.
- Nordin Selat. (1978). *Satu kajian perkembangan gaya hidup kelas menengah pentadbir Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1986). *Sastera sejarah: Pengenalan genre dan pendekatan"*, dhn. *DewanSastera*, Oktober.
- Osup, Chemaline. (2002). *Imej arketaipal raja: Tafsirannya dalam teks Annal Melayu"*. Tesis sarjana University Sains Malaysia.
- Othman Ishak. (1992). *Hubungan antara undang-undang Islam dan undang-undang adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P.E de Josselin de Jong. (1964). Ciri-ciri sejarah Melayu Dlm. Zaharah (ed). (1986). *Sastera sejarah interpretasi dan penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P.E de Josselin de Jong. (1964). "The Character of the Malay Annals" dim. Bastin dan Roolvink (ed), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press Oxford.
- P.E de Josselin de Jong. (1965). *Agama-agama di gugusan Pulau Melayu*. Kuala Lumpur. Oxford.
- Parnickel, Boris. (1997). *Cerita penglipurlara dan segi puitika sejarahan*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu-UM.
- Packles, D. (1984). *Pengantar ilmu politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rajentheran, M. (1999). *Sejarah Melayu: Kesan hubungan kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ras, J.J. (1990). *Hikayat Banjar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R, Antony & David Man. (1992). *Asia Tenggara dalam kurun niaga 1450-1680: Tanah di bawah angin*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Roolvink, R. (1953). *Dialek Melayu di Deli* - Beberapa catatan serta dengan Sejumlah Cerita dlm. *JMBRAS* 38: 2,129-139,1953.
- Roolvink, R. (1954). *Hikayat Raja-raja Pasai* dkn. *Bahasa dan Budaya* 2:3,hlm 3-17.
- Shellabear, W.G (ed). (1961). *Sejarah Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House.
- S, Sid Chamamah. (1988). *Hikayat Iskandar Zulkarnean*. Jogjakarta: Universitas Gadjah Mada.
- Siti Hawa Salleh (Pnyt). (1970). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Siti Hawa Salleh. (1992). *Sebutir pasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singaravelu, S. (1994). *Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu*. Kertas kerja anjuran Universiti Malaya dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- Situmorang. (1952). *Sejarah Melayu*. T.D Djakarta: Djambatan.
- Steinberg, D.J. (1965). *Mengenal sejarah Asia Tenggara moden*, terj. Pn. Azizah Abbas: Percetakan Nan Yan Muda.
- Steven Lukas. (1985). *Kuasa satu pandangan radikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Syed Ahmad Hussein. (1994). *Pengantar sains politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Maznah Syed Omar. (1995). *Myths and the Malay ruling class*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wan Hasim Wan Teh & Daniel Parret. (1999). *Sekitar konsep negeri.*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- Walter, W.O. (1992). *Kejatuhan Sriwijaya dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R.O. (1957). The genealogy of Malacca's kings from a copy of Bustanu's Salatin" dlm. *JSBRAS* 91, him. 1-87.
- Winstedt, R.O. (1932). The Bendaharas and Temenggongs dlm. *JMBRASX (i)* him. 55-56.
- Winstedt R.O. (1938). The Malay Annals or Sejarah Melayu. (The Earliest Recension from ms. No. 18 of the Raffles Collection). *JMBRAS* 26 (iii), him. 1 1 -226.
- Winstedt, R.O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. (1974). Kingship and enthronement in Malaya", dim. *JMBRAS*, Vol. XX, Part 1.
- Wyatt D.K & Teeuw. A. (1970). *Hikayat Petani the story of Patani*. The Hague: Kooinklijk Instituut Voor Taal, Land-En Volkenkunde.
- Yusoff Iskandar. (Februari, 1977). Sejarah Melayu-edisi Shellabear dan edisi Winstedt: Beberapa perbezaan" dim. *Dewan Bahasa*. 21:2, him. 110-121.
- Yusoff Iskandar. (1977). *Syair Sultan Maulana: Penelitian kritis tentang pensejarahan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yusoff Iskandar. (1977). Sejarah Melayu sebagai teks sastera yang bercorak sejarah, dlm *Dewan Bahasa*, Mei.
- Zaharah Ibrahim. (1986). *Sastera sejarah interpretasi dan penelitian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahir Ahmad. (1999). *Riwayat Kelantan*. Tesis Doktor Falsafah di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zalila bin Sharif. (1995). *Politik dalam karya sastera bercorak sejarah*. Tesis Sajana Persuratan Melayu di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.